



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**16 SEPTEMBER 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 187 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 392,752. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 159 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 384,619 orang. Manakala 249 pesakit sedang menerima rawatan di hospital. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 10 orang iaitu sembilan (9) orang di ICU/repurposed kritikal *care* dan satu (1) orang di open ward (HDW/kubikel akut) manakala enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan bertukar dari zon jingga ke zon kuning

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 10 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Merah 14 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Angka jangkitan baharu susut 43 kes menjadikan jumlah keseluruhan kes harian 187 kes. Penurunan angka jangkitan baharu dipengaruhi oleh jumlah sampel ujian yang lebih rendah sebanyak 1,946 berbanding 2,164 semalam. Kadar positiviti juga turun kepada 9.76% (11.04% kelmarin).
- b. Lima (5) daerah mencatatkan kes dua (2) angka termasuk Kota Kinabalu yang merekodkan penyusutan yang besar sebanyak 71 kes. Kota Kinabalu mencatat 57 kes hari ini, Tawau 24 kes (+7), Tuaran 17 kes (+5), Beaufort 14 kes (+14) dan Penampang 13 kes (+5). Sembilan (9) daerah tidak merekodkan sebarang kes baharu.
- c. Sebanyak 185 daripada 187 kes baharu adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, serta dua (2) kes dalam Kategori 4.

**ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	29	15.51%
3	Bergejala	134	71.66%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	24	12.86%
<b>JUMLAH</b>		<b>187</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (15 September 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 15/09/2022	Catatan Kes 16/09/2022	Perbandingan
1	Beaufort	0	14	+14
2	Tawau	17	24	+7
3	Tuaran	12	17	+5
4	Penampang	8	13	+5
5	Kota Belud	4	8	+4
6	Lahad Datu	1	4	+3
7	Keningau	3	6	+3
8	Kunak	0	2	+2
3	Putatan	4	6	+2
10	Semporna	0	2	+2
11	Kota Marudu	3	5	+2
12	Kalabakan	1	2	+1
13	Tenom	4	4	Mendatar
14	Kuala Penyu	0	0	Mendatar
15	Kinabatangan	0	0	Mendatar
16	Nabawan	0	0	Mendatar
17	Papar	9	9	Mendatar
18	Sipitang	0	0	Mendatar
19	Telupid	0	0	Mendatar
20	Kota Kinabalu	128	57	-71
21	Tongod	7	0	-7
22	Kudat	7	0	-7
23	Pitas	2	0	-2
24	Ranau	5	3	-2
25	Beluran	2	0	-2
26	Tambunan	4	3	-1
27	Sandakan	9	8	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>230</b>	<b>187</b>	<b>-43</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 964 unit.

- Hospital 916 unit.
- PKRC (Awam) 20 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 25.83%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 16 SEPTEMBER 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	180
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
<b>Jumlah</b>	<b>187</b>

### ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	176
Bukan Malaysia	11
<b>Jumlah</b>	<b>187</b>

### iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	9
Belum Menerima Vaksin (5-11)	1
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	24
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	72
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	80
<b>Jumlah</b>	<b>187</b>

### iii. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	6
1-4	3
5 -11	2
12-17	12
18-29	57
30-39	39
40-49	19
50-59	25
60-69	11
70-79	10
80-89	3
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>187</b>

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**